

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Syor benarkan rentas negeri akan dibentang kepada MKN

Oleh **Lugman Arif Abdul Karim**
dan **Muhammad Yusri Muzamir**
bhnews@bh.com.my

Puttajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah memutuskan beberapa cadangan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP), termasuk mengenai pergerakan rentas negeri yang akan dibentangkan kepada Sidang

Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh terdekat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata keputusan itu dibuat bersandarkan fakta sains dan petunjuk semasa.

"Saya sudah berbincang perkara ini (pergerakan rentas negeri dan kelonggaran lain) dengan DG (Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah)

dan kita sudah putuskan beberapa cadangan.

"Ya (cadangan mengenai SOP itu) akan dibentangkan dalam Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa terdekat. Ada harapan (untuk rentas negeri), cuma saya minta (rakyat) sabar sekejap... sikit masa lagi.

Nasional 2

Ada harapan (untuk rentas negeri), cuma saya minta (rakyat) sabar sekejap... sikit masa lagi

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Tekad tingkat kadar vaksinasi di negeri tertentu

Dari Muka 1

“(Cuma) Ada beberapa negeri yang nilai ambang vaksinasi masih rendah, justeru menjelang akhir September, semua negeri akan capai liputan dos vaksin lengkap dalam kalangan individu dewasa sebanyak 60 peratus.

“Ini kerana kita semua maklum bahawa pembukaan sempadan negeri untuk pergerakan, boleh mengundang risiko, justeru berikan kita sedikit masa lagi,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Khairy berkata, kerajaan bertekad untuk meningkatkan kadar pemberian vaksin di negeri yang masih merekodkan liputan di bawah paras 60 peratus seperti Sabah, Kelantan, Kedah, Perak, Johor, Terengganu, Pahang dan Pulau Pinang.

Selain itu, beliau berkata, beberapa kelonggaran SOP lain juga akan diumumkan dalam masa terdekat, termasuk berhubung kebenaran untuk operasi pawagam.

Mengikut data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), 47.2 peratus penduduk Malaysia atau seramai 15,429,300 individu lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

Seramai 20,115,233 individu atau 61.6 peratus sudah menerima dos pertama, menjadikan kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini sebanyak 35,519,754 dos.

Berdasarkan perkongsian itu juga, peratusan populasi dewasa yang menerima kedua-dua dos meningkat kepada 65.9 peratus setakat kelmarin berbanding 65.1 peratus, pada Rabu.

Setakat kelmarin, Sabah mencatatkan liputan vaksin dos lengkap dalam kalangan individu dewasa paling rendah, iaitu 41.5 peratus, berbanding paras kebangsaan 65.9 peratus, diikuti Kelantan (47.6 peratus), Kedah (47.9 peratus), Perak (48.9 peratus), Johor (50 peratus), Terengganu (52.7 pe-

ratus), Pahang (52.9 peratus) dan Pulau Pinang (59 peratus).

Purata kes positif COVID-19 bagi tempoh tujuh hari lalu bagi Sabah ialah kedua tertinggi selepas Selangor, iaitu 2,570 kes, manakala kadar insiden berada pada paras 62.5 bagi setiap 100,000 penduduk.

Dalam perkembangan lain, Khairy mengesahkan tiada kes positif direkodkan dalam kalangan atlet negara yang pulang dari temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.

“Kita buat saringan seperti biasa untuk sesiapa yang balik, malah penjujukan genom dilakukan sekiranya ada kes positif dan arahan ini sudah diberikan kepada makmal berkaitan, termasuk daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Setakat ini, tiada kes positif dalam kalangan atlet kita,” katanya menjawab kebimbangan penularan varian berkepentingan (VOI) terbaru, ‘Mu’ atau B.1.1621 di Tokyo.

Sementara itu, pakar kesihatan awam, persatuan pelancongan ser-

ta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berpendapat kelonggaran perjalanan rentas negeri yang dicadangkan adalah sebagai perediaan negara beralih ke fasa endemik, selain mampu merencanakan semula kegiatan ekonomi.

Pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata sudah tiba masanya bagi kerajaan membenarkan perjalanan rentas negeri apabila negara mencapai imuniti kelompok nanti.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak terlalu teruja, selain perlu menjalani penilaian sendiri sebelum melakukan perjalanan rentas negeri.

“Kita perlu jadi lebih bijak dengan memastikan diri sendiri dan pihak ingin dilawati bebas COVID-19, selain kedua-duanya sudah lengkap divaksinasi sebelum melakukan perjalanan.

“Seeloknya lakukan saringan sendiri COVID-19 sebelum memulakan perjalanan selain sentiasa amalkan norma baharu bagi mengelak jangkitan,” katanya

kepada BH.

Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Datuk Tan Kok Lian, berkata peserta sektor pelancongan sentiasa bersedia untuk kembali beroperasi apabila pergerakan rentas negeri dibenarkan.

“Kebenaran ini akan menjadikan aktiviti pelancongan dapat kembali berfungsi seperti sebelum penularan COVID-19. Ini memberi kelegaan kepada industri pelancongan yang sudah sekian lama terjejas teruk akibat sekatan pergerakan dikenakan kerajaan bagi membendung COVID-19,” katanya.

Presiden PKS Malaysia, Datuk Michael Kang Hua Keong, pula berkata pengumuman mengenai kebenaran rentas negeri bakal memberi sinar baharu kepada industri PKS yang terjejas akibat COVID-19.

“Saya harap lebih banyak PKS dapat ‘diselamatkan’ melalui kebenaran ini nanti kerana setakat Ogos sahaja sudah 25 peratus PKS gulung tikar,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Rosnah antara disenarai Penasihat Khas Menteri Kesihatan

Kuala Lumpur: Bekas Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin disenarai bersama dua yang lain sebagai Penasihat Khas Menteri Kesihatan.

Nama bekas Ahli Parlimen Papar dan bekas Ketua Puteri UMNO itu disenarai menyandang jawatan berkenaan dalam direktori Kementerian Kesihatan (KKM) bagi pejabat menteri, Khairy Jamaluddin.

Semakan semalam mendapati, dua individu lain mengisi jawatan sama adalah Dimshtra Steven Sittampalam dan Datuk Mohamad Iruan Zulkefli.

Rosnah memiliki latar belakang peguam dan pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Kesihatan ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, antara 2009 hingga 2013.

Beliau yang kemudian bertukar portfolio dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya dari 2013 hingga 2018, juga pernah menyandang jawatan EXCO Wanita UMNO dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

Rosnah gagal mempertahankan kerusinya di Parlimen Papar selepas tewas kepada calon Parti Warisan Sabah (WARISAN) dengan majoriti 325 undi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Khairy dilantik sebagai Menteri Kesihatan dalam Kabinet diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bertukar portfolio dengan Datuk Seri Dr Adham Baba yang kini menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Ahli Parlimen Rembau itu dibantu dua timbalan menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali daripada BERSATU dan Datuk Aaron Ago Dagang daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS), kedua-duanya dikekalkan jawatan selepas pertukaran kerajaan apabila Tan Sri Muhyiddin Yassin hilang sokongan majoriti Ahli Parlimen, sebelum ini.

KKM kini diberi tanggungjawab mengambil alih kawalan penuh terhadap program vaksinasi negara yang sebelum ini dikendalikan secara bersama dengan MOSTI ketika masing-masing diketuai Dr Adham dan Khairy.

Penularan COVID-19

19,378 jangkitan baharu

87 kes daripada keseluruhan jumlah harian babit kategori 5

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 87 kes atau 0.4 peratus daripada keseluruhan 19,378 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan semalam membabitkan pesakit kategori 5, iaitu kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan dengan 47.1 peratus daripada mereka tiada vaksinasi.

Bagi kategori 4 yang memerlukan bantuan oksigen pula, ia membabitkan 88 kes atau 0.5 peratus dengan 52.2 peratus tiada vaksinasi.

Pesakit kategori 3 yang mempunyai radang paru-paru membabitkan 157 kes atau 0.8 peratus dengan 49 peratus daripada me-

reka tiada vaksinasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam, memaklumkan pesakit kategori 2, iaitu bergejala ringan menyumbang kes tertinggi dengan 9,833 atau 50.7 peratus dan 43.5 peratus tiada vaksinasi.

"Kategori 1, iaitu tiada gejala membabitkan 9,213 kes atau 47.5 peratus daripada keseluruhan kes dilaporkan dengan 47.8 peratus tiada vaksinasi," katanya menambah, statistik berkenaan berdasarkan keadaan klinikal pesakit semasa baru didiagnos COVID-19.

Katanya, ada di antara pesakit kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status, sama ada bertambah baik atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, beliau menjelaskan, pada mula didiagnos, sebanyak 1.7 peratus daripada kes dilaporkan semalam berada dalam kategori 3 hingga 5, manakala 98.3 peratus kes dalam kategori 1 dan 2, manakala 45.7

peratus kes yang baru didiagnos COVID-19 tiada vaksinasi.

Sementara itu, sebanyak 22,399 kes sembuh dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif 1,528,672 kes, manakala jumlah kematian baharu sebanyak 330 kes membabitkan 268 warganegara dan 62 warga asing dengan keseluruhan kes kematian setakat ini 17,521 kes.

Jumlah kematian di luar hospital atau 'brought-in-dead' (BID) pula sebanyak 93 kes membabitkan 55 warganegara dan 38 bualan warganegara. Kes di unit rawatan rapi (ICU) pula 975, manakala kes yang ditidurkan atau 'intubated' iaitu 463.

Dr Noor Hisham menjelaskan, jangkitan baharu COVID-19 semalam turun kepada 19,378 berbanding 20,988 kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes kini adalah 1,805,382 kes dengan 259,189 kes aktif.

Katanya, kes baharu membabitkan 16,782 pesakit warganegara dan 2,582 bukan warganegara, manakala kes import pula 14, masing-masing membabitkan

tujuh warganegara dan warga asing.

Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi dengan 3,613, diikuti Sarawak (2,464), Sabah (2,404), Johor (2,331), Pulau Pinang (1,726), Kedah (1,470), Perak (1,389), Kelantan (1,356), Kuala Lumpur (740), Pahang (559), Terengganu (532), Melaka (399), Negeri Sembilan (270), Perlis (80), Putrajaya (41) dan Labuan (4).

Mengenai status terkini kapasiti dan penggunaan katil COVID-19, beliau berkata, sehingga jam 5 petang kelmarin, purata penggunaan katil bukan ICU adalah sebanyak 76 peratus, manakala penggunaan katil ICU pula sebanyak 89 peratus.

Berdasarkan infografik dikongsi Dr Noor Hisham, Kedah mencatatkan penggunaan 104 katil ICU atau 128 peratus, diikuti Sabah (145 katil, 110 peratus), Perak (106 katil, 106 peratus), Pulau Pinang (69 katil, 101 peratus), Perlis (11 katil, 100 peratus), Kelantan (77 katil, 99 peratus), Selangor (337 katil, 99 peratus) dan Johor (108 katil, 98 peratus).

Sabah sudah terima 44,000 dos CanSino

Kuala Lumpur: Sebanyak 180,000 dos vaksin CanSino sudah dan akan dihantar ke Sabah secara berperingkat bermula 28 Ogos lalu hingga Isnin ini dengan 2,000 dos diagihkan ke Pulau Mabul selama dua hari bermula semalam.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata sehingga semalam juga, sebanyak 44,000 dos vaksin CanSino sudah diterima Sabah dan diteruskan kepada penduduk Pulau Mabul, membabitkan 1,000 dos pada semalam dan 1,000 lagi hari ini, selain 500 dos diagih ke Nabawan.

"Sebelum ini, vaksin itu sudah diagihkan ke Pulau Sebatik membabitkan 2,400 dos dan 1,200 dos lagi di pedalaman Kinabatangan pada 29 serta 30 Ogos lalu," katanya dalam ciapan melalui Twitter beliau, semalam.

BH sebelum ini melaporkan, Malaysia akan memulakan pemberian pelalian satu dos apabila menerima sejumlah 200,000 dos vaksin CanSino daripada pembekal CanSino Biologics di China, 20 Ogos lalu.

Pelaksanaan Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bermula Februari lalu turut membabitkan vaksin keluaran Pfizer-BioNTech (Cominarty), Sinovac (CoronaVac)



Petugas kesihatan diiringi anggota polis bersedia ke Pulau Mabul, Sabah, semalam. (Foto Twitter Khairy Jamaluddin)

dan AstraZeneca, manakala Johnson & Johnson sudah mendapat kelulusan bersyarat.

Solution Biologics adalah pemegang pendaftaran produk bagi CanSino di Malaysia dan vaksin itu mendapat kelulusan penggunaan bersyarat bagi kegunaan-kecemasan di negara ini oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 15 Jun lalu.

Sementara itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memaklumkan, sebanyak 47.2 peratus populasi keseluruhan Malaysia atau 15,429,300 individu lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

Menerusi perkongsian infografik di laman Twitter rasminya semalam, seramai 20,115,233 individu atau 61.6 peratus sudah menerima dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini sebanyak 35,519,754 dos.

Peratusan populasi dewasa yang menerima kedua-dua dos vaksin meningkat kepada 65.9 peratus setakat kelmarin berbanding 65.1 peratus pada Rabu. Vaksinasi harian kelmarin merekodkan 369,280 dos diberikan, iaitu 187,645 dos kedua dan 181,635 adalah dos pertama.

Labuan mendahului senarai populasi lengkap divaksinasi dengan 65.2 peratus, Lembah Klang (68.8 peratus), Sarawak (63.3 peratus), Negeri Sembilan (58.3 peratus), Perlis (49.2 peratus), Pulau Pinang (45.5 peratus), Melaka (43.7 peratus), Pahang (37 peratus), Perak (36.3 peratus), Johor (35.9 peratus), Kedah (33.7 peratus), Terengganu (33.8 peratus), Kelantan (30.9 peratus) dan Sabah (29.3 peratus).

JKJAV turut memaklumkan 96.5 peratus daripada 412,000 guru di seluruh negara sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos, manakala 83.5 peratus lagi sudah lengkap vaksinasi.

Terkini COVID-19 22,399

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

19,378

Kes baharu disahkan, semalam

17,521

Jumlah kematian dicatat

1,805,382

Jumlah kes disahkan positif

259,189

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

JKNS segera laksanakan vaksinasi selepas dapat senarai JAIS

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) akan menyegerakan proses vaksinasi kepada guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pegawai masjid dan penolong pendaftar nikah yang sebelum itu enggan divaksin sebaik menerima senarai penuh daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata beliau menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, kelmarin, bagi membincangkan perkara berkenaan.

"JKNS akan menyegerakan pemberian vaksin kepada mereka yang terbabit selepas mendapat senarai nama daripada JAIS. JKNS dan JAIS sudah sepakat untuk mengadakan satu sesi khusus kepada mereka.

"Saya sudah meminta senarai penuh dan tarikh daripada Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, semalam (kelmarin).

"Jadi sekarang sedang tunggu senarai penuh dan tarikh sesuai daripada pihak JAIS untuk melaksanakan vaksinasi khusus kepada individu terbabit. Kita bersedia pada bila-bila masa untuk vaksinasi khas ini secepat mungkin," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj dalam titahnya menzahirkan dukacita di atas keengganan sejumlah guru KAFA, pegawai masjid dan penolong pendaftar nikah untuk divaksin.

Baginda mengingatkan pihak terbabit bahawa mereka mungkin tidak akan dibenarkan meneruskan tugas jika tidak divaksin.

Baginda bimbang ia akan membahayakan diri sendiri dan orang ramai, terutama pelajar.

Dr Sha'ari berkata, pemberian vaksin kepada individu terbabit akan diberikan sekali gus pada satu tarikh khas dan di tempat sudah dipersetujui.

Saya sudah minta senarai penuh, tarikh daripada Pengarah JAIS kelmarin



Dr Sha'ari Ngadiman, Pengarah Kesihatan Selangor

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

KKM mahu jumpa KPM bincang isu guru wajib vaksin



INDIVIDU yang lengkap dua dos vaksin kurang mengalami simptom teruk jika dijangkiti Covid-19.

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan (KPM) berhubung dasar mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan guru di sektor pendidikan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, langkah tersebut perlu diperhalusi secara terperinci kerana ia melibatkan beberapa implikasi perundangan.

Menurutnya, buat masa ini, pendekatan dalam proses pengambilan suntikan imunisasi Covid-19 masih berkonsepkan sukarela termasuk kepada warga

pendidik sebagaimana dilaksanakan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

"Saya kena bincang dengan KPM sebab ada implikasi perundangan di sini.

"Justeru, ia perlu diperhalusi bersama Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Radzi Jidin), sama ada kita boleh mewajibkan pengambilan vaksin secara 'sectorial mandate' (mandat mengikut sektor)," katanya dalam sesi temu bual bersamanya di pejabatnya semalam.

Beliau berkata, perbincangan lanjut berhubung perkara itu akan dilaksanakan dengan KPM secepat mungkin.

Khairy Jamaluddin dalam sidang akhbar sulungnya sebelum ini mahu 100 peratus guru di Malaysia menerima suntikan vaksin bagi memastikan sekolah selamat bagi semua murid.

Katanya, Malaysia mempunyai seramai 412,000 guru dengan 96.5 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19, manakala 83.5 peratus pula, sudah lengkap vaksinasi.

"Bagi kakitangan sokongan pula, sebanyak 84.8 peratus telah menerima satu dos vaksin, manakala 68.8 peratus pula, sudah lengkap dua dos vaksin," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

KKM sedang pertimbang beberapa kelonggaran SOP termasuk rentas negeri

Boleh balik kampung tidak lama lagi

PUTRAJAYA – Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) termasuk aktiviti rentas negeri dalam masa terdekat.

Menurutnya, perkara itu akan dibawa dalam perbincangan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan tertakluk kepada penilaian risiko yang dikemukakan kementerian.

Sehubungan itu, jelas beliau, rakyat diminta bersabar dan memberi sedikit masa untuk kerajaan membuat keputusan sewajarnya.

"Saya sudah bincang perkara ini dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dan kita sedang mengemukakan beberapa cadangan, jadi kita akan bawa ke MKN dalam masa terdekat.

"Ada harapan (rentas negeri), tetapi saya minta sabar sekejap lagi kerana ada beberapa negeri yang mana nilai ambang vaksinasi rendah sedikit," katanya pada sesi temu bual bersamanya di pejabatnya semalam.

Jelasnya, semua negeri dijangkakan akan mencapai nilai ambang 60 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi pada akhir September ini.

Sementara itu, Datuk Seri Dr.



KHAIRY JAMALUDDIN

Adham Baba berkata, kadar vaksinasi di tujuh negeri iaitu Sabah, Kelantan, Kedah, Johor, Perak, Terengganu dan Pahang akan dipertingkatkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu memberitahu, Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 mendapati tujuh negeri itu mempunyai kadar vaksinasi kurang daripada 55 peratus.

"CITF juga akan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia bagi memastikan vaksin dapat disuntik kepada penduduk yang jauh di pedalaman.

"Inisiatif vaksinasi pandu lalu dan walk-in juga akan terus diperhebatkan dan diperluaskan di tujuh negeri itu," ujarnya.



KELONGGARAN SOP termasuk rentas negeri akan diberikan kerajaan bergantung pada kadar vaksinasi rakyat di negara ini. – GAMBAR HIASAN

Tambah Adham, inisiatif suntikan vaksin Covid-19 secara walk-in di 11 buah negeri bermula hari ini.

"Inisiatif terbaharu itu dilaksanakan di Sabah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Perlis, Johor, Sarawak, Kedah, Pulau

Pinang dan Melaka.

Dalam pada itu, Adham berkata, beliau turut menyarankan agar sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah vaksin yang diagihkan ke negeri-negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri diperuntukan kepada Pusat

Pemberian Vaksin Industri (PPVIN).

"Ini selari dengan perbincangan di sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini untuk memperhebatkan lagi usaha pemvaksinan pekerja warga negara atau bukan warga negara.

330 kematian direkod

PUTRAJAYA – Kes kematian harian terus merekodkan angka tertinggi dengan 330 kes, menjadikan jumlah kematian Covid-19 sebanyak 17,521 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 93 kes daripada 330 kematian direkodkan merupakan kes pesakit yang meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID).

"Sebanyak 19,378 jangkitan dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,805,382 kes.

"Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi sebanyak 1,388 kes dan yang memerlukan bantuan pernafasan sebanyak 762 kes," katanya.

Untuk rekod, pada 8 Ogos lalu, sebanyak 360 kematian direkodkan sementara pada 26 Ogos pula, 393 kematian.

Tambahnya, daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, sebanyak 332 kes daripada kategori 3, 4 dan 5, manakala, se-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes Baharu	19,378
Import:	14
Tempatan:	19,364
Pulih	22,399
• Kematian	330
• Masih dirawat	259,189
• Jumlah kes sembuh	1,528,672
• Jumlah Kematian	17,521
Jumlah kes keseluruhan	1,805,382

banyak 19,046 kes lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, 8,847 kes (45.7 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada sejarah vaksinasi," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Rentas negeri, Khairy minta rakyat sabar

Pihaknya dalam peringkat akhir muktamadkan SOP rentas negeri sebelum kemuka kepada MKN

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Rakyat Malaysia diminta bersabar untuk melakukan aktiviti rentas negeri bagi menziarahi keluarga masing-masing.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya dalam peringkat akhir memuktamadkan prosedur operasi standard (SOP) rentas negeri sebelum dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ada harapan (rentas negeri), cuma saya minta sabar sekejap," katanya pada sidang akhbar di kementeriaannya di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, perbincangan telah dilakukan bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bagi tujuan tersebut.

"Kita semua maklum bahawa pembukaan sempadan negeri untuk pergerakan bakal meng-



Khairy Jamaluddin pada sidang akhbar di Pejabat Kementerian Kesihatan pada Jumaat.

undang risiko, jadi berikan tempoh sedikit lagi," katanya.

Menurutnya, terdapat beberapa negeri yang masih rendah nilai ambang vaksinasi seperti Sabah, Kelantan, Perak, Kedah, Johor, Terengganu, Pahang dan Pulau Pinang.

Katanya, menjelang akhir September, semua negeri akan mencapai liputan dos vaksin lengkap dalam kalangan individu dewasa sebanyak 60 peratus.

Kali terakhir rakyat menikmati kelonggaran rentas negeri adalah pada penghujung tahun lalu sebelum larangan dikuatkuasakan pada 11 Januari tahun ini.

Dalam perkembangan sama, Khairy Jamaluddin telah mengarahkan makmal-makmal

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Teknologi Sains dan Inovasi (MOSTI) untuk menjalankan penjujukan genom terhadap kes import bagi mengesan kehadiran varian baharu, Mu.

"Kalau ada kes import, kita kena buat penjujukan genom untuk pastikan ia bukan varian Mu," katanya.

Menurut Khairy Jamaluddin, setakat ini negara tidak melaporkan sebarang kes berkaitan varian tersebut.

Isnin lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan varian Mu sebagai varian mempunyai kepentingan (VOI), tahap kedua tertinggi dalam klasifikasi variannya.

Bincang dengan KPM isu wajibkan guru ambil vaksin

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung isu untuk mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan guru di sektor pendidikan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, dasar tersebut memabatkan implikasi perundangan.

"Saya kena bincang dengan KPM," katanya.

Menurutnya, keperluan pengambilan vaksin Covid-19 terhadap guru ketika ini adalah berdasarkan konsep sukarela. "Ia perlu diperhalusi bersama Menteri, Datuk Dr Mohd

Radzi Md Jidin sama ada boleh wajibkan pengambilan vaksin secara *sectorial mandate*," katanya.

Beliau berkata demikian mengenai keperluan mewajibkan pengambilan vaksin Covid-19 terhadap guru.

Malaysia mempunyai seramai 412,000 guru dengan 96.5 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19, manakala 83.5 peratus pula sudah lengkap vaksinasi.

Bagi kakitangan sokongan pula, sebanyak 84.8 peratus telah menerima satu dos vaksin, manakala 68.8 peratus sudah lengkap dua dos vaksin.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Keputusan harga siling kit ujian sendiri Covid-19 kekal

PUTRAJAYA - Kerajaan kekal dengan keputusan penguatkuasaan harga siling set kit ujian sendiri Covid-19 yang berkuatkuasa Ahad ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memilih untuk memihak kepada pengguna bagi mengurangkan beban yang ditanggung berikutan harga kit ujian sendiri yang tinggi.

"Saya faham ada pihak yang tidak berpuas hati tetapi kami memihak kepada pengguna dan keputusan telah dibuat," katanya.



Kit ujian sendiri Covid-19 ditetapkan pada harga RM19.90 seunit.

Beliau berkata demikian bagi mengulas gesaan Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) yang memohon penetapan harga runcit maksimum bagi set kit ujian sendiri Covid-19 dilanjutkan ke suatu tempoh bagi membolehkan stok sedia ada dijual pada harga semasa sehingga habis.

Khairy Jamaluddin berkata, sekiranya tempoh masa diberikan, rakyat akan terkesan kerana terpaksa membeli kit ujian sendiri pada harga tinggi.

"Kalau nak bagi tempoh masa sebulan untuk clear stok, yang terkesan adalah rakyat. Mereka terpaksa bayar RM40 semata-mata nak tunggu penjual habiskan stok lama," katanya.

Penjualan kit ujian sendiri Covid-19 ditetapkan pada harga siling iaitu RM19.90 seunit bagi runcit, manakala RM16 untuk harga borong.

Penentuan harga maksimum kit ujian itu dibuat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Vaksin CanSino diagih ke Pulau Mabul

PUTRAJAYA - Pengagihan vaksin CanSino diteruskan ke Pulau Mabul, Sabah pada Jumaat.

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapannya di Twitter.

Dalam hantaran sama, beliau memuat naik dua keping gambar petugas kesihatan dalam perjalanan ke pulau berkenaan.

"Petugas kesihatan diiringi anggota polis bersedia ke Pulau Mabul, Sabah hari ini (Jumaat) untuk pemberian vaksin satu dos CanSino bagi meningkatkan liputan imunisasi dalam usaha Malaysia melangkah ke fasa endemik," katanya.

Menurutnya, pengagihan vaksin CanSino ke Pulau Mabul melibatkan 2,000 dos, mana-

kala Nabawan sebanyak 500 dos.

"Aktiviti pemberian vaksin CanSino kepada penduduk di Pulau Mabul akan dijalankan selama dua hari," katanya.

Sabah mula menerima vaksin satu dos itu pada 28 Ogos lalu.

Sebanyak 180,000 dos dihantar secara berperingkat sehingga Isnin depan.

Sehingga hari ini, Sabah telah menerima sebanyak 44,000 dos vaksin CanSino.

Khairy Jamaluddin berkata, proses pemberian vaksin CanSino dilakukan di kawasan pedalaman Sabah pada 29 Ogos lalu bermula di Pulau Sebatik dengan 2,400 dos.

"Di bahagian pedalaman Kinabatangan sebanyak 1,200 dos diberikan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu menurun kepada 19,378

KUALA LUMPUR - Kes baharu Covid-19 dalam negara pada Jumaat menurun kepada 19,378 berbanding 20,988 kes pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran dalam laman Facebook dan Twitter berkata, kumulatif kes Covid-19 kini adalah sebanyak 1,805,382 kes.

Selangor kekal mencatatkan jumlah kes harian tertinggi dengan 3,613 kes, diikuti Sarawak

(2,464), Sabah (2,404), Johor (2,331), Pulau Pinang (1,726), Kedah (1,470), Perak (1,389) dan Kelantan (1,356).

Sementara itu, Kuala Lumpur merekodkan sebanyak 740 kes, Pahang (559), Terengganu (532), Melaka (399) dan Negeri Sembilan (270).

Tiga negeri kekal mencatatkan kes di bawah paras 100 iaitu Perlis dengan 80 kes, Putrajaya (41) dan Labuan empat kes.

- *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kedutaan urus mayat 'terbiar'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan kedutaan asing berhubung masalah mayat warga asing yang meninggal dunia akibat Covid-19 yang belum dituntut sehingga 'terbiar' di beberapa hospital kerajaan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya sedang berusaha menghubungi waris mangsa-mangsa itu melalui kedutaan asing supaya penghantaran pulang mayat atau pengebumian dapat dilakukan di sini.

"Kita bekerjasama dengan Wisma Putra dan pihak kedu-



Kita bekerjasama dengan Wisma Putra dan pihak kedutaan asing untuk menguruskan mayat warga asing yang meninggal akibat Covid-19."

KHAIRY JAMALUDDIN



taan asing untuk menguruskan mayat warga asing tersebut," kata beliau pada sidang akhbar

di sini semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan masalah lambakan

mayat warga asing di hospital-hospital kerajaan dengan di Hospital Serdang sahaja terdapat kira-kira 20 mayat warga asing ditempatkan dalam bilik mayat kerana urusan mendapatkan kebenaran daripada pihak kedutaan masih tergendala dan masalah yang sama dipercayai turut berlaku di beberapa hospital lain di Lembah Klang.

Lambakan mayat warga asing yang tidak dapat diuruskan itu berpunca daripada sikap kedutaan asing mengambil mudah urusan pengesahan, dokumentasi dan pengurusan mayat terutama melibatkan rakyat Bangladesh dan Indonesia.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Khairy: Kebenaran rentas negeri tidak lama lagi

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mempertimbangkan beberapa kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) termasuk aktiviti rentas negeri dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu akan dibawa dalam perbincangan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) berdasarkan penilaian risiko Kementerian Kesihatan.

“Saya sudah bincang perkara ini dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dan kita sedang mengemukakan beberapa cadangan, jadi kita akan bawa ke MKN dalam masa terdekat.

“Saya minta sabar sekejap lagi kerana ada beberapa negeri yang mana masih lagi nilai ambang vaksinasi rendah sedikit. Jadi akhir September ini kita menjangkakan, semua negeri akan sampai nilai ambang 60 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi. Bersabarlah,

sedikit sahaja masa lagi,” kata dalam sidang akhbar di sini semalam.

Kali terakhir rakyat menikmati kelonggaran rentas negeri adalah pada penghujung tahun lalu sebelum larangan itu dikuatkuasakan pada 11 Januari tahun ini.

Dalam pada itu, Khairy berkata, beliau telah mengarahkan makmal-makmal Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Teknologi Sains dan Inovasi (MOSTI) untuk menjalankan penjujukan genom terhadap kes import bagi mengesan kehadiran varian baharu, Mu namun setakat ini kes positif varian berkenaan belum lagi dilaporkan di negara ini.

Isnin lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan varian Mu yang mendominasi negara Columbia sebagai varian mempunyai kepentingan (VOI), tahap kedua tertinggi dalam klasifikasi variannya.



PUSAT Pemberian Vaksin (PPV) Axia Arena di Kuala Lumpur, semalam lengang dan tidak sesibuk sebelum ini berikutan hampir 47.2 peratus rakyat negara ini melengkapkan dua dos suntikan dan menghampiri imuniti kelompok.- UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

BASED ON CURRENT INDICATORS

'RELAXATION OF S.O.P. BEING DISCUSSED'

Suggestions to ease curbs, including interstate travel, to be presented at NSC meeting, says Khairy

LUQMAN ARIF ABDUL KARIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

A FEW of the current restrictions, including interstate travel, will be relaxed soon, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

Speaking at a press conference, he said discussions were ongoing to relax certain standard operating procedures (SOP) based on current indicators.

"I have discussed the matter (on interstate travel movement and certain restrictions) with the Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and we have decided on a series of suggestions.

"It will be presented during the National Security Council (NSC) meeting soon. There is hope (for interstate travel), we only need to be a bit more patient.

"This is because we were told that opening state borders for travel is risky, so we need a little more time (to decide). There are still some states with low vaccination rates but by September, all states will have achieved a 60 per cent complete vaccination dose coverage among adults."

Khairy said the government was committed to increasing the vaccination distribution rate in states that recorded immunisa-



Vehicles queuing at a roadblock at the Gombak toll plaza in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY FARIZ ISWADI ISMAIL (Inset) Health Minister Khairy Jamaluddin says the ministry needs more time before deciding on reopening state borders.

tion coverage of less than 60 per cent in Sabah, Kelantan, Kedah, Perak, Johor, Terengganu, Pahang and Penang.

Meanwhile, Khairy said the move to make vaccination compulsory for teachers in the education sector would be further scrutinised as it would involve legal repercussions.

Elaborating, he said further discussions on the matter would be held with the Education Ministry as soon as possible.

He said the current approach

regarding the need to take the Covid-19 vaccine among educators was still based on a voluntary basis.

"I need to discuss this with the Education Ministry as there will be legal implications. As such, it needs to be refined with the minister (Datuk Dr Radzi Jidin) on whether we can make vaccination mandatory by 'sectorial' mandate," he said yesterday.

On Aug 22, Johor Education, Information, Heritage and Cul-

ture Committee chairman Mazlan Bujang said 779 teachers in Johor had declined to be vaccinated against Covid-19, causing concerns ahead of schools reopening on Oct 3.

On Thursday, Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah expressed his disappointment when 450 teachers from primary and secondary schools in the state reportedly refused to get vaccinated.

Sectorial mandate would also be considered for the travel sec-

tor, he said.

"Another example is the aviation industry. If the (airline) company wants to make vaccination compulsory (for crew and passengers), that is entirely up to them."

On another issue, Khairy said the government had no plans to postpone the date to enforce the ceiling price of the antigen rapid test kits for individual use.

He said the government needed to balance the interests between suppliers, sellers and the people during the Covid-19 pandemic.

"The ministry is aware that any postponement of the effective date of the ceiling price of self-screening kits, merely by giving way to sellers and suppliers to sell off old stock would negatively affect the people.

"We need to balance between the suppliers, sellers and the people right now, and if we need to give a month's time to finish up old stock then it is the public who would be largely affected.

"The public would be forced to pay up to RM40 to purchase a self-testing kit within a month's time just to wait for the sellers to get rid of old stock."

Khairy said a decision was made and it was understood there would be parties who were not happy, in this case, the suppliers and sellers of the self-screening kits.

"Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi and I are in favour of consumers who wanted the price of the self-screening kits to be reduced and the ceiling price set as soon as possible.

"The decision has been made, move on."

Daily Covid-19 cases dip to 19,378, Selangor still tops list

KUALA LUMPUR: The country's daily Covid-19 cases saw a dip yesterday to register 19,378 new cases compared with 20,988 on Thursday.

The latest figures have taken the overall tally of those infected with the coronavirus to 1,805,382 cases.

According to Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Selangor still leads with the highest number of daily infections with 3,613 cases detected yesterday.

This was followed by Sarawak (2,464 cases), Sabah (2,404), Jo-

hor (2,331), Penang (1,726), Kedah (1,470), Perak (1,389), Kelantan (1,356), Kuala Lumpur (740), Pahang (559), Terengganu (532), Melaka (399), Negri Sembilan (270), Perlis (80), Putrajaya (41) and four news cases in Labuan.

Up to 5 pm on Thursday, Dr Noor Hisham said bed capacity for normal Covid-19 patients was at 76 per cent while



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

at 17,521.

Dr Noor Hisham said 975 pa-

tients were currently in Intensive Care Units, with 463 of them requiring breathing assistance.

Dr Noor Hisham said 22,399 recoveries were recorded yesterday, bringing the total number of recoveries to 1,528,672.

With 330 deaths reported yesterday, the country's cumulative death cases from Covid-19 now stands

at 17,521.

Meanwhile, Bernama reported that 47.2 per cent of the population in the country, or 15,429,300 individuals, have completed their Covid-19 vaccination up to Thursday.

According to infographics on the Twitter page of the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV), 20,115,233 individuals, or 61.6 per cent, have received the first dose, bringing a total of 35,519,754 doses

of the vaccine having been dispensed under the Covid-19 National Immunisation Programme until Thursday.

According to JKJAV, the percentage of the country's adult population who have received both doses of the vaccine increased to 65.9 per cent on Thursday, from 65.1 per cent on Wednesday.

On the daily vaccination rate, the number of doses dispensed on Thursday was 369,280 doses, with 187,645 doses to second dose recipients and 181,635 as first dose.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Interstate travel SOP pending

Khairy: Give us a bit more time to iron out the details

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The standard operating procedure for interstate travel is being drawn up and it will take a bit more time before it is allowed, says Khairy Jamaluddin.

"I have discussed this matter with Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah and we have landed on a recommendation.

"We will present it to the National Security Council (NSC) soon. It is all there, but just give us a bit more time," the Health Minister said.

He said the SOP could not be implemented immediately as many states were still behind in their vaccination programme.

"You all know that as soon as we open the borders, it's asking for trouble. We all know this, so I'm asking for just a bit more time. Just be patient," said Khairy in an interview at his ministry here yesterday.

He hinted that interstate travel could be allowed after all states had vaccinated at least 60% of their adult population.

"By the end of September, all states are expected to have fully vaccinated 60% of their adults," he said.

Currently, the country's Covid-19 SOP still does not allow non-essential travel between states.

At present, only the Klang Valley, Labuan, Sarawak, Negri Sembilan, Perlis and Melaka have fully vaccinated 60% of their adult population.



Looking to the future:

Khairy hinted that interstate travel may be allowed after all states have vaccinated at least 60% of their adult population.
— FAIHAN GHANI/
The Star

The other states are still between 41.5% and 59%.

Meanwhile, the Langkawi Development Authority (Lada) has submitted proposals to the NSC on the new SOP for the reopening of the island on Sept 16 under the new travel bubble project.

Lada chief executive officer Nasaruddin Abdul Muttalib said together with the Tourism, Arts and Culture Ministry, the proposals were those deemed suitable for those who want to visit Langkawi after Sept 16.

"We sent them (the proposals) to the NSC last week. They will evaluate it and hopefully our SOP proposals will be approved," he said.

He said the proposals included a

suggestion that those who had been fully vaccinated be allowed to bring along their children when they travelled to Langkawi.

He also said those who wanted to visit the island must apply for a travel permit from the police with proof such as hotel bookings and travel itinerary.

"The reason is that we don't want anyone taking advantage and diverting from their travel plans," he said, adding that the proposals also included punishments for those who violated the terms of the permit during the period of travel.

He said the final decision on the SOP would be announced by the NSC next week.

As part of preparations to welcome tourists to Langkawi, he said Lada had organised a course called the My Safe Langkawi certification programme for 1,238 people from the tourism industry on the island.

He said the six-day programme was held to help industry players become familiar with the new SOP to be implemented when the island reopens to tourists.

On Thursday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said local tourists would be able to visit Langkawi from Sept 16 under the pilot project of a tourism bubble.

He said other tourist destinations could operate once the local vaccination rate reached 80%.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

'All being done to prevent transmission of new variants'

By CLARISSA CHUNG
 clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Health Ministry is stepping up its surveillance of new Covid-19 variants, especially as Malaysia is still reeling from the effects of the Delta variant.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the authorities would take the necessary measures to prevent the entry and transmission of new variants, such as the C.1.2 strain.

The C.1.2 variant, which was first detected in South Africa, is said to be potentially more infectious than the Delta variant currently tearing through South-East Asia.

South Africa's National Institute for Communicable Disease raised an alert concerning the variant, as its scientists noted that it had undergone more mutations than those



Keeping everyone safe:

A resident registering for the Covid-19 vaccination at the Dewan Hakka PPV in Sandakan, Sabah.
 — Bernama

classified as variants of concern or variants of interest.

Its mutations are also those which are linked to increased transmissibility and the ability to evade immune responses.

However, with data still scarce, the World Health Organisation has yet to designate it as a 'variant of concern', unlike the Delta strain.

Dr Noor Hisham added that risk assessment measures would be conducted for visitors entering Malaysia from countries where the C.1.2 variant has been found.

"We will do the risk assessment as required by Section 15(1) of Act 342," he said.

Section 15(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases

Act states that an authorised officer may order a contact to be quarantined until the contact is discharged without danger to the public.

New Zealand's Health Ministry detected the C.1.2 variant at its border in late June, with officials saying that the traveller was subsequently quarantined and hence the variant did not enter the community.

New Zealand went into lockdown on Aug 17 after a new single Covid-19 case – believed to be of the Delta strain – was detected.

With over 500 cases in the Delta outbreak so far, the lockdown is further extended in Auckland though other areas will have their restrictions eased.

Meanwhile, the C.1.2 variant was also detected in six other countries, namely the United Kingdom, China, the Democratic Republic of the Congo, Mauritius, Portugal and Switzerland.

Case numbers remain high, but infectivity goes down

By AUSTIN CAMOEN
 austin@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded 19,378 new cases of Covid-19 yesterday, with Selangor still topping the table with 3,613 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said cumulatively, Malaysia has had 1,805,382 Covid-19 cases since the pandemic started early last year.

"On Friday, there were also 330 fatalities, bringing the death toll to 17,521.

"There were also 22,399 recoveries, which means 1,528,672 have

recovered from the disease nationwide," he said in a statement.

He said 975 patients were receiving treatment in intensive care units, with 463 requiring ventilation support.

Dr Noor Hisham said for the second day straight Malaysia's Covid-19 infectivity rate or R0 (R-naught) was below 1.0 with a reading of 0.97 yesterday.

"This is a positive sign as many economic and social sectors have been opened recently and the situation looks controlled and shows it is gradually becoming better.

"Of the 19,378 cases recorded on

Friday, 332 cases (1.7%) were Categories 3, 4 and 5 while 19,046 cases (98.3%) were Categories 1 and 2.

"A total of 8,847 cases (45.7%) recorded were not vaccinated, 4,638 cases (23.9%) had received at least one dose while the remaining 5,893 cases (30.4%) were fully vaccinated," he added.

Dr Noor Hisham said 34 new clusters had been identified yesterday, bringing the number of active clusters nationwide to 1,476.

He added that 20 of the new clusters were workplace clusters, eight were community clusters, four

were high-risk clusters, one each was an education cluster and a religious cluster involving 1,109 cases.

He said 764 cases were attributed to the workplace clusters, while 236 cases were recorded within the community clusters.

"Seventy-two cases were identified within the high-risk clusters while 24 cases and 13 cases were recorded within the education and religious clusters, respectively."

Watch the video
 TheStarTV.com

